



# Wanita gemilang

# Kandungan

- 1 Pengenalan
- 2 Statistik Pemerkasaaan Wanita
- 3 Peluang dan Penyertaan Ekonomi
- 3 Pencapaian dan Pendidikan
- 4 Kesihatan dan Kehidupan
- 4 Penguasaan Politik
- Ekonomi**
- 5 ▶ YM Tan Sri Dato' Seri Dr. Ungku Zeti Akhtar  
Tun Dr. Ungku Abdul Aziz
- 9 ▶ Datuk Mohaiyani Shamsudin
- Aeroangkasa**
- 12 ▶ Mejar Patricia Yapp Syau Yin
- 14 ▶ Datuk Dr Mazlan Othman
- Kesukarelawan dan Kebajikan**
- 18 ▶ Tan Sri Dr Jemilah Mahmood
- 21 ▶ Heidy Quah
- Sukan**
- 23 ▶ Pandelega Rinong
- Usahawan**
- 26 ▶ Neeta Gosalia
- 29 ▶ Noor Neelofa Mohd Noor
- Dalam Kenangan**
- 32 ▶ Datuk Wira Dr Maznah Abd Hamid
- 35 ▶ Tan Sri Sharifah Azah Mohamed Alsagoff

# Pengenalan

Wanita mempunyai peranan yang sangat luas, tidak terhad dalam pembangunan keluarga sahaja. Malah kehadiran mereka dalam persekitaran kerja dan sumbangan kepada sosio ekonomi masa kini juga amat penting dan perlu diberi pengiktirafan sewajarnya.

Jika dulu tugas wanita hanya menguruskan keluarga, tetapi dengan pendidikan dan keupayaan mereka memberikan sumbangan dalam pelbagai sektor menjadikan peranan serta buah fikiran kaum hawa diterima bukan sahaja memajukan syarikat tetapi pembangunan Negara.

Dari segi ekonomi, kesihatan dan pendidikan pula, *The Global Gender Gap Report 2016* melaporkan bahawa Malaysia telah mencapai tahap pariti kuasa beli yang hampir setaraf dengan negara-negara maju.

Peningkatan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan dan keusahawanan serta perubahan sosio budaya dalam kalangan masyarakat telah membolehkan wanita bergerak progresif dan berpeluang untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara.

Ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan dan inisiatif kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang isu dan kepentingan wanita serta mengiktiraf wanita selaku rakan pembangunan negara.

# Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia 2017

Indeks Jurang Gender Malaysia mengukur jurang antara lelaki dan wanita dalam 4 sub-indeks

Peluang dan  
Penyertaan Ekonomi  
**0.659**

Kesihatan dan  
Kehidupan  
**0.957**

**SKOR**  
**0.692**

Pencapaian  
Pendidikan  
**1.092**


Penguasaan  
Politik  
**0.061**

Purata jurang kesaksamaan antara lelaki dan wanita berada pada **69.2%**




**Nota:** Skor 1.00 atau 100.0% ditakrifkan sebagai tiada jurang perbezaan di antara lelaki dan perempuan bagi 4 sub-indeks

## Peluang dan Penyertaan Ekonomi



**Nota:** KPTB - Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

## Pencapaian Pendidikan



## Kesihatan & Kehidupan

Jangkaan hayat  
ketika lahir



72.5 tahun

77.2 tahun

Wanita dijangka  
hidup 4.7 tahun lebih lama  
berbanding lelaki



1 daripada 5 penghidap AIDS  
adalah wanita

## Penguasaan Politik

Dewan Negara  
22.4%



Dewan Rakyat  
10.8%

Hampir 11 daripada 100 orang ahli Dewan Rakyat adalah wanita

Menteri Kabinet  
8.6%



Timbalan Menteri  
17.6%

**Nota:** Semua data adalah merujuk kepada tahun 2017.

**Sumber:** Jabatan Perangkaan Malaysia

**Wanita pertama menyandang jawatan  
paling terkemuka dalam dunia  
perbankan negara**

**YM Tan Sri Dato' Sri Dr. Ungku Zeti Akhtar  
Tun Dr. Ungku Abdul Aziz**

**“Beliau adalah salah seorang daripada  
9 gabenor bank terbaik di dunia.”**



Tan Sri Dato' Sri Ungku Dr. Zeti Akhtar binti Ungku Abdul Aziz menjadi wanita pertama menyandang jawatan paling terkemuka dalam dunia perbankan negara iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia. Anak tunggal kepada tokoh ilmuwan terkenal, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz dan tokoh budayawan negara, Sharifah Azah Mohamed Alsagoff ini dianugerahkan dengan kebijaksanaan yang diwarisi daripada kedua orang tuanya menjadikan beliau seorang yang sangat berjaya dalam bidang yang diceburinya. Beliau juga digelar sebagai pemimpin kewangan negara dan telah menjadi salah seorang wanita yang berkuasa dalam bidang kewangan di Malaysia.

Beliau dilahirkan pada 27 Ogos 1947 di Johor Bahru. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Assunta, Petaling Jaya pada tahun 1958. Seterusnya pada tahun 1970, beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dalam bidang Ekonomi Analitikal sebelum melanjutkan pelajaran di Wharton School of The University of Pennsylvania ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang kewangan dan ekonomi antarabangsa pada tahun 1978.

Setelah tamat pengajian, beliau bertugas sebagai penyelidik ekonomi di Pusat Latihan dan Penyelidikan Bank Pusat Asia Tenggara (*South-East Asia Central Bank Training & Research Centre*) pada tahun 1979 hingga 1984, kemudian dilantik sebagai Penolong Pengurus Jabatan Ekonomi di Bank Negara Malaysia.

Tan Sri merupakan seorang yang amat komited dalam melaksanakan semua tugas yang diamanahkan. Pelbagai jawatan yang dipegang menjadi bukti betapa kebolehan beliau dipercayai dan dikagumi oleh pelbagai pihak.

Pada 1 September 1998, beliau telah dilantik sebagai Pemangku Gabenor Bank Negara Malaysia. Pada ketika itu, negara sedang menghadapi kemuncak krisis kewangan dan beliau telah mengetuai pasukan yang ditubuhkan oleh Bank Negara bagi melaksanakan dasar ekonomi konvensional pada masa itu, seperti penandaan mata wang dan mengenakan kawalan modal kepada pelabur asing.



YM Tan Sri Dato' Seri Dr. Ungku Zeti Akhtar Tun Dr. Ungku Abdul Aziz bersama-sama 4 orang lagi Ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN).

## INFORMASI

- ➊ Pada tahun 2003, beliau telah dipilih sebagai Gabenor Bank Pusat Terbaik Asia.
- ➋ Beliau adalah salah seorang daripada sembilan (9) gabenor bank terbaik di dunia.



- ③ Pada tahun 2008, beliau dinobatkan sebagai Gabenor Bank Pusat yang terbaik di Asia. Diikuti pada tahun 2010, Majalah *Global Finance* telah mengiktiraf beliau sebagai Ketua Bank Pusat Terbaik Dunia.
- ④ Pada tahun 2014, Majalah *Global Finance* telah mengiktiraf beliau sebagai Gabenor Bank Kelas A untuk tahun yang ke-11 secara berturut-turut.
- ⑤ Beliau merupakan wanita pertama (dan yang kedua paling lama) memegang jawatan sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM).
- ⑥ Pada 12 Mei 2018, Tan Sri Dato' Seri Dr. Ungku Zeti Akhtar Tun Dr. Ungku Abdul Aziz, bersama-sama Bekas Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Merican, tokoh korporat, Tan Sri Robert Kuo dan ahli ekonomi terkemuka negara, Profesor Dr Jomo Kwanme Sundaram, dilantik sebagai Majlis Penasihat Kerajaan (MPEN) yang bertindak menasihati kerajaan mengenai ekonomi dan kewangan negara.

# Pengerusi Lembaga Utama Syarikat Penyenggaraan Awam awam terbesar di Malaysia

Datuk Mohaiyani Shamsudin

**“Datuk Mohaiyani seorang wanita yang mempunyai kerjaya yang hebat dan berpengalaman luas, bukan sahaja dalam industri perkhidmatan kewangan, malah dalam perkhidmatan awam.”**



Datuk Mohaiyani Shamsudin seorang wanita yang mempunyai kerjaya yang hebat dan berpengalaman luas, bukan sahaja dalam industri perkhidmatan kewangan, malah dalam perkhidmatan awam.

Sebelum ini, beliau pernah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 22 Ogos 2011 dan Pengerusi Maybank Investment Bank pada Mac 2016, menjadikannya wanita pertama menerajui anak syarikat utama kumpulan Maybank itu. Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Lembaga Jawatankuasa Kajian Kredit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Pada 1 April 2017, Datuk Mohaiyani telah dilantik menjadi Pengerusi Maybank bagi menggantikan Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor. Perlantikan ini menjadikan Datuk Mohaiyani sebagai wanita pertama yang dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Utama Syarikat Penyenaraian Awam terbesar di negara ini.

Beliau adalah pemegang ijazah BA (Ekonomi), Knox College, Gelesburg, Illinois, Amerika Syarikat dan sarjana MBA (Kewangan), Universiti Cornell, Ithaca, New York, Amerika Syarikat. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Amanah Chase Merchant Bank Berhad dan Seagrott & Campbell Sdn. Bhd sebelum memulakan syarikat broker saham sendiri Mohaiyani Securities Sdn. Bhd pada tahun 1985 dan memegang jawatan Pengarah Urusan.

Sepanjang penglibatan aktif beliau dalam industri broker saham, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad) dan Pengerusi Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia.

Beliau juga pernah dilantik sebagai ahli kepada beberapa kumpulan kerja negara tahap tinggi seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Ekonomi Majlis Perundingan Negara II (MAPEN), Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), Jawatankuasa Kewangan Kementerian Kewangan Peringkat Tinggi untuk tadbir urus korporat dan Majlis Penasihat Kebangsaan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan memegang jawatan sebagai pemegang amanah Institut Jantung Yayasan Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO). Datuk Mohaiyani juga berkhidmat sebagai Pengarah Dana Pembangunan Pasaran Modal dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Datuk Mohaiyani Shamsuddin dilantik sebagai Pengerusi wanita pertama teraju Maybank Investment Bank.

# Juruterbang Wanita Pertama Pesawat Tempur MiG di Asia

Mejar Patricia Yapp Syau Yin

**“Minat dan jangan pernah berputus asa  
adalah kunci utama bagi wanita khususnya  
golongan muda yang mahu menceburi  
bidang penerbangan ketenteraan.”**





Satu-satunya wanita dalam  
bidang astronomi dan profesional  
astrofizik Malaysia

Datuk Dr Mazlan Othman

**“Ketokohan beliau bukan sahaja mendapat  
pengiktirafan di peringkat kebangsaan tetapi juga  
dikagumi di arena antarabangsa.”**



Beliau terkenal di Malaysia terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan kajian astronomi. Selain itu, antara yang paling membanggakan tentang Datuk Dr Mazlan Othman ialah beliau merupakan satu-satunya wanita pakar dalam bidang astronomi dan profesional astrofizik di negara kita. Di luar negara, beliau telah dilantik sebanyak dua (2) kali sebagai Ketua Pejabat Hal Ehwal Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNOOSA) pada November 1999.

Beliau dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan pada 11 Disember 1951. Beliau melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan, seterusnya mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian dari Universiti Otago New Zealand pada tahun 1975 di bawah *Colombo Plan Scholarship* dan mengukir nama sebagai Wanita pertama yang memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Astrofizik dari Universiti yang sama pada tahun 1981. Beliau pulang ke Malaysia sebagai Ahli Fizik Bintang Pertama Negara dan mengajar kursus astronomi di Universiti Kebangsaan Malaysia untuk pelajar pra siswazah serta aktif mempromosi Sains Angkasa.

Datuk Dr Mazlan dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Fizik UKM pada tahun 1988. Dari tahun 1990 hingga Oktober 1995, beliau berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri untuk mengawasi dan mengurus pembangunan Planetarium Negara Kuala Lumpur. Pada tahun 1994, beliau dinaikkan pangkat menjadi Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada Oktober 1995 pula, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa Negara (ANGKASA), di Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI).

Atas permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, beliau kembali ke Malaysia pada 22 Julai 2002 dan berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Bahagian Sains Angkasa (BAKSA) Malaysia yang antara lain bertanggungjawab terhadap penubuhan Agensi Angkasa Lepas Malaysia. Antara tugas penting yang diamanahkan ialah melancarkan Program Angkasawan Negara yang diilhamkan oleh Datuk Dr Mazlan pada tahun 2002 untuk meletakkan nama Malaysia seiring dengan nama luar yang berjaya dalam bidang angkasa lepas.

Selepas bersara daripada perkhidmatan awam, beliau dilantik semula sebagai pengarah UNOOSA yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland pada tahun 2007. Di UNOOSA beliau memfokuskan isu-isu berkaitan dengan kerjasama antarabangsa dari segi sains angkasa dan koordinasi undang-undang angkasa lepas.



Ketokohan beliau bukan sahaja mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan tetapi juga dikagumi di arena antarabangsa sehingga dilantik oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan sebagai Ketua *United Nation Office For Outer Space Affairs* (UNOOSA) di Vienna pada November 1999.



Beliau telah menggabungkan sains dan seni bersama dan menubuhkan satu Perkhemahan Sains Mengilham Seni yang ditaja oleh Galeri Seni Kebangsaan. Program ini telah berjaya mengumpulkan para artis dan saintis terkenal bersama. Beliau adalah penggerak instrumen dalam produksi bagi dua buah filem besar Dokumentasi Sains dan telah ditayangkan di planetarium sebanyak empat kali.

Sumbangan dan idea bernas beliau dalam bidang Sains Fizik dan Astronomi, membolehkannya menerima banyak anugerah yang berprestij. Antara anugerah yang tertinggi ialah Panglima Jasa Negara yang dikurniakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong yang membawa gelaran Datuk dan Ijazah Doktor Sains (Kehormat) daripada Universiti Otago, New Zealand. Datuk Dr Mazlan juga telah dinobatkan sebagai wanita pertama yang menerima gelaran Tokoh Melayu Terbilang bersempena sambutan ulang tahun UMNO ke-65 pada 11 Mei 2011.

# Doktor Tanpa Sempadan

Tan Sri Dr Jemilah Mahmood

**“Doktor hebat ini menyelamatkan banyak nyawa mangsa perang.”**





Tan Sri Dr Jemilah Mahmood telah mengangkat kerja-kerja kemanusiaan dan khidmat sukarela menjadi suatu komitmen yang menyeluruh dan mengatasi sempadan geografi. Melalui pertubuhan MERCY Malaysia, kerja-kerja sukarela yang dilakukannya memberikan tumpuan kepada pelarian mangsa perang dan mangsa bencana alam.

Beliau mengetuai delegasi pertubuhan MERCY Malaysia untuk melaksanakan kerja-kerja sukarela membantu pelarian mangsa perang dan bencana alam berbentuk bantuan makanan, pakaian, khidmat perubatan, malahan mendirikan klinik dan sekolah. Atas kesungguhan dan usaha gigihnya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pernah melantik beliau sebagai *Chief Humanitarian Response Branch, United Nations Population Fund*.

Dr Jemilah merupakan bekas pelajar Sekolah Perempuan Assunta, Petaling Jaya dan kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam Ijazah perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh Sarjana dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi pada tahun 1986 di universiti berkenaan. Beliau juga menjadi ahli Persatuan Obstetrik Di Raja UK pada tahun 1991 dan pernah menjadi fellow Kolej Di Raja Obstetrik dan Ginekologi UK pada tahun 2004.

Sekembalinya ke Malaysia, beliau terus dilantik sebagai Perunding Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Kuala Lumpur dan berkhidmat sebagai Pensyarah Obstetrik dan Ginekologi di Falkulti Perubatan UKM sehingga tahun 1995. Dr Jemilah menjadi model "Doktor Tanpa Sempadan". Biarpun wajahnya nampak lembut, berhati waja bertenaga dan tidak mengenal erti putus asa. Melalui MERCY, beliau bersama-sama menjalankan khidmat kemanusiaan bagi memberi harapan kepada mangsa-mangsa bencana dan mereka yang mengalami trauma. Beliau menjadi salah seorang daripada 16 orang yang terpilih sebagai penasihat kumpulan kepada *Central Emergency Response Fund*, pada tahun 2008.

Sumbangan dan jasa beliau telah mendapat perhatian pemimpin negara dan pengiktirafan dunia malah turut merangsang badan-badan bukan kerajaan lain untuk menyumbang dan memberi khidmat yang sama. Berdasarkan sumbangan itu, beliau dianugerahkan Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) daripada DYMM Sultan Azlan Shah. Beliau juga dianugerahkan pingat Panglima Jasa Negara (PJN) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2009. Di samping itu pada tahun 2006 beliau adalah penerima Anugerah Gandhi, King, Ikeda yang disampaikan oleh *Martin Luther King Jr. International Chapel* di *Morehouse College*, Amerika Syarikat sebagai menghargai sumbangan beliau terhadap kemanusiaan tanpa keganasan. Terkini beliau telah dipilih untuk menyandang jawatan Timbalan Pengerusi Lembaga Agensi Sukarela Antarabangsa (ADRRN).

Beliau pernah mengalami pelbagai pengalaman ngeri sepanjang misi khususnya semasa mengetuai misi kemanusiaan MERCY ke Iraq. Beliau tercedera terkena tembakan dan dua (2) ahli kumpulan MERCY terbunuh. Pengalaman ini tidak sedikit pun menjejaskan semangat beliau malahan, Dr Jemilah meneruskan usaha-usaha murni memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa terbabit.

## Anugerah Pemimpin Muda Ratu Elizabeth

Heidy Quah

***“Refuge For The Refugees (RFTR) menyokong  
35 sekolah dan membantu lebih daripada  
2,000 kanak-kanak pelarian.”***



Di kala semua orang sibuk menjuarai isu hak asasi manusia sekadar memetik papan kekunci di computer atau telefon, wanita bernama Heidy Quah pula antara wanita yang turun padang secara fizikal dan menyumbang bakti kepada golongan tidak bernasib baik.

Enam (6) tahun lalu, Heidy menjadi salah seorang pengasas NGO, Refuge For the Refugees (RFTR) yang bermatlamat meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak pelarian khususnya Myanmar dengan memberikan pendidikan asas secara percuma. Beliau yang baru berusia 24 tahun itu menjadi perhatian selepas pencapaiannya itu diiktiraf sehingga menerima anugerah pemimpin muda, "The Queen's Young Leaders Award" daripada Ratu Elizabeth II, di Istana Buckingham, London, pada Jun 2017.

Heidy berkata RFTR kini menyokong 35 sekolah dan 10 daripadanya ditubuhkan di Lembah Klang dan Pulau Pinang manakala 25 sekolah lain terletak di Myanmar yang menampung lebih 2,000 kanak-kanak pelarian.



Heidy Quah menerima anugerah pemimpin muda, "The Queen's Young Leaders Award" daripada Ratu Elizabeth II, di Istana Buckingham, London, pada Jun 2017.

Ratu terjun negara pertama terima  
gelaran siri dunia

Pandelela Rinong

***“Pandelela Rinong is a name known to most Malaysians; from the die-hard sports enthusiast to the casual observer.”***





Pandelela Rinong mencipta sejarah penerima pingat pertama negara berjaya bagi acara 10m platform seirama wanita di Sukan Olimpik Rio.

Pandelela Rinong anak Pamg lahir pada 2 Mac 1993 suku kaum Bidayuh merupakan anak jati Bau, Sarawak. Beliau adalah atlet di dalam sukan terjun papan anjal Malaysia.

Pandelela ialah pemenang anugerah Olahragawati Kebangsaan 2011. Selain itu, beliau telah mengharumkan nama Malaysia di pesada dunia apabila beliau menyumbangkan pingat gangsa buat negara dalam acara terjun 10m platform di Sukan Olimpik London 2012 sekaligus menjadikannya sebagai atlet wanita Malaysia pertama menyumbang pingat dalam sejarah Sukan Olimpik.

Gadis Bidayuh yang mempunyai ketinggian 160cm ini telah menempa kejayaan sebelum meraih Pingat di Sukan Olimpik London 2012, antaranya dalam Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan *World Series* seperti berikut:

- 2012** Pingat Gangsa Sukan Olimpik London 10m platform
- 2011** Pingat Perak World Series 10m platform
- 2011** Pingat Perak 10m berirama platform
- 2010** Pingat Perak Sukan Asia 10m platform
- 2010** Pingat Perak Sukan Asia 10m berirama platform
- 2010** Pingat Emas Sukan Komanwel 10m platform
- 2010** Pingat Perak Sukan Komanwel 10m berirama platform
- 2009** Pingat Gangsa Kejohanan Dunia 10m platform
- 2009** Pingat Emas Sukan SEA 10m platform
- 2009** Pingat Emas Sukan SEA 10m berirama platform
- 2007** Pingat Emas Sukan SEA 10m berirama platform



"Kejayaan ini bukan mudah untuk dicapai.  
Ia memerlukan kerja keras serta pengorbanan." - Pandelega Rinong

## Neeta's Herbal Kian Dikenali

Neeta Gosalia

**“Di sebalik perwatakan wanita India yang cantik memakai sari dan sederhana ini, tersimpan kebijaksanaan yang menjadikan beliau usahawan yang sangat dikagumi masyarakat.”**





Neeta bersama salah seorang pelanggan di salun kecantikannya.

Neeta Gosalia anak ketiga daripada enam adik beradik telah memulakan perniagaan produk rambut *herb* dan pusat penjagaan yang dinamakan sebagai Neeta's Herbal. Terdapat 23 cawangan Neeta's Herbal di seluruh Malaysia dan 10 cawangan di luar negara.

Neeta tidak pernah bersikap tamak dengan kejayaannya tetapi dia turut membantu adik-beradik perempuannya yang lain sehingga masing-masing mempunyai taraf kedudukan kewangan yang kukuh.



Antara produk keluaran Neeta's Herbal yang kini mendapat tempat di pasaran.

Neeta memulakan langkah dengan bantuan kewangan daripada suaminya. Beliau menghadiri kursus selama tiga (3) tahun di Kolej Ayurveda di India. Setelah kembali ke Malaysia, Neeta dan Visvalingam membuka Neeta Herba di Brickfields, Kuala Lumpur. Ketika itu beliau berumur 21 tahun. Dua (2) tahun pertama pembukaan Neeta's Herbal, mereka hampir menutup perniagaan tersebut kerana tidak ramai yang menyedari keberkesanan produk ini. Namun, selepas kemunculannya dalam Rancangan Nona di TV3, ia telah melonjakkan nama Neeta's Herbal. Bermula dari situ, Neeta dan suami menyedari betapa pentingnya pelan pemasaran yang baik bagi memastikan produk mereka dikenali. Sejak itu, Neeta's Herbal tidak pernah menoleh ke belakang lagi.

Menjelang tahun 1991, Neeta dan suaminya memutuskan untuk mengembangkan perniagaan dengan membekalkan produk mereka ke kedai-kedai terpilih di negara ini. Neeta seterusnya berjaya menembusi pasaran Amerika Syarikat dan United Kingdom dan membuka beberapa *outlet* di sana. Pada tahun 2007, sebuah *outlet* berjaya dibuka di Hyderabad, India. Kejayaan Neeta's Herbal yang kini telah berjaya dipasarkan ke peringkat antarabangsa adalah kerana sokongan dan dorongan keluarganya juga.

## Neelofa usahawan muda tersenarai dalam Forbes 30 Under 30 Asia 2017

Noor Neelofa Mohd Noor

**“Naelofar Hijab ternyata menjadi satu fenomena luar biasa sehingga namanya cukup gah dan dikenali ramai.”**





Neelofa mencatat sejarah apabila menjadi rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai duta bagi jenama kosmetik antarabangsa *Lancome* selain dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Air Asia.

Neelofa Mohd Noor atau lebih mesra disapa Lofa, menceburi dunia perniagaan seawal usia remaja memberi kelebihan buat dirinya mengatur strategi di pentas perniagaan. Bermula dengan perniagaan suplemen kecantikan iaitu BellaVita, langkah Lofa dalam dunia bisnes terus berkembang hebat. Kemunculan perniagaan kanta lekap berwarna diikuti Naelofar Abaya, antara langkah pertama Lofa berjinak-jinak dalam dunia perniagaan.

Interpretasi kerja keras Lofa nyata membuahkan kejayaan yang amat memberangsangkan. Sekarang perniagaannya bukan sahaja bertapak di Malaysia, malahan berkembang pesat di 38 negara antaranya Perancis, Jepun, United Kingdom, Eropah, Afrika, Emiriyah Arab Bersatu dan Norway. Label Naelofar Hijab merupakan gabungan antara minat serta kecintaan Lofa dalam dunia fesyen dan juga perniagaan. Beliau mempertaruhkan idea rekaan tudung sedia pakai yang direvolusikan semula. Ternyata, impak yang diterima masyarakat di luar jangkaan.

Beliau mencatat sejarah apabila menjadi rakyat Malaysia yang pertama dilantik sebagai duta bagi jenama kosmetik antarabangsa, *Lancome* selain duta bagi *Swarovski*.

Beliau bukan sahaja dilantik menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Air Asia pada 8 Disember 2017 selain memenangi Anugerah *Grandeur and Elegance* Antarabangsa atas kejayaannya mengemudi jenama Naelofar Hijab. Wanita ini turut disenarai antara 30 individu yang tersenarai dalam Forbes 30 Under 30 Asia 2017 di bawah kategori Runcit dan e-dagang.



Ibu Neelofa sebagai penyokong utama kejayaannya.

# DALAM KENANGAN

*Iron Lady* yang dikagumi

Datuk Wira Dr Maznah Hamid

**“Kita mesti sanggup bekerja lebih daripada gaji yang dibayar, kerana akhirnya kita akan mendapat lebih daripada yang kita kerjakan.”**



Datuk Dr Maznah Hamid dilahirkan di Ayer Hitam, Jerlun, Kedah pada tanggal 18 April 1955. Beliau kemudian berkahwin dengan Haji Shaheen Mirza Habib pada 11 Mac 1979 dan dikurniakan lima cahaya mata, iaitu dua lelaki dan tiga perempuan. Anak-anak beliau adalah: Nur Sharmila, Shahril Reza, Nurul Shameem, Mohamad Shafiq Azim, Mazreen Shananim.

Beliau meninggal dunia pada usia 62 tahun di Institut Jantung Negara (IJN) pada 4 Oktober 2017 akibat masalah kardiovaskular selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada penghujung September 2017.

Dr. Maznah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam, Alor Setar, Kedah. Beliau kemudiannya meneruskan pendidikan menengah rendah di Sekolah Menengah Ayer Hitam, Alor Setar, Kedah.

Selepas lulus, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam bidang Linguistik di Pusat Bahasa, CML. Beliau adalah seorang *"Self-Taught"* dan sentiasa bergiat aktif memperluaskan ilmu pengetahuan, kemahiran dan latihan praktikal di dalam dan luar negara sehingga kini dalam pelbagai bidang profesional dan praktikal.

Selain itu, dengan berbekalkan pengalaman 30 tahun dalam bidang perniagaan, beliau telah membuka Klinik Keusahawanan di seluruh negara bagi membantu mereka yang mahu berkecimpung dalam bidang perniagaan.



**Tegas** – Allahyarham Datuk Dr Maznah Hamid sentiasa komited dalam menjalankan tugasnya.

Pemilik Ijazah Kedoktoran Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Keusahawanan, Motivasi dan Modal Pembangunan Insan dari *Central State University of New York* ini telah menerbitkan beberapa buah buku motivasi. Antara buku yang mendapat sambutan hangat bertajuk Motivasi Memburu Kejayaan dan buku mini siri Rahsia 3K-Kejayaan, Kebahagiaan dan Kekayaan.



# DALAM KENANGAN

Tokoh Budayawan Melayu

Tan Sri Sharifah Azah Mohamed Alsagoff

**“Wanita terawal memperjuangkan nasib dan hak wanita terutama isu persamaan gaji lelaki dan wanita. Beliau juga memperjuangkan Pindaan Undang-Undang Perkahwinan orang bukan Islam dan keluarga Islam.”**



Sharifah Azah Mohammad Alsagoff atau Azah Aziz, tetapi lebih dikenali sebagai Mak Ungku (21 Ogos 1928 - 9 Julai 2012) ialah seorang tokoh budayawan Melayu di Malaysia. Beliau merupakan isteri kepada Profesor Diraja Ungku Aziz dan ibu kepada mantan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berdarah campuran Melayu, Turki dan Arab. Beliau bersekolah di Sekolah Convent di Johor Bharu dan mengikuti pendidikan Jepun semasa Perang Dunia ke-2. Ketika berumur 18 tahun, beliau berkahwin dengan Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid dan mereka mendapat seorang anak, YM Tan Sri Dato' Ungku Dr. Zeti Akhtar Aziz, kini Gabenor Bank Negara. Beliau meninggal dunia pada 9 Julai 2012.

Beliau seorang wanita yang pemalu. Setiap butir kata yang terucap di bibirnya penuh kelembutan. Jelita dan anggun dengan penampilan baju kurung pesak Johor pada kebanyakan masa. Pada mata kebanyakan orang, beliau adalah seorang wanita yang sempurna. Namun, di sebalik kesantunan wanita berdarah campuran Melayu, Turki dan Arab itu tersemat kekuatan dan keteguhan dalam dirinya yang sukar digugat oleh sesiapa. Sharifah Azah Mohamed Alsagoff bukan hanya figura yang disegani dalam bidang budayawan, malah sejarah panjang hidupnya memberikan impak luar biasa dalam bidang kewartawanan negara.

Kehebatan itulah membuatkan permaisuri dalam hidup tokoh akademik tersohor negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, itu sentiasa memukau ramai bak sebutir permata yang bersinar. Menyelusuri jejak hidupnya, beliau yang dilahirkan pada 21 Ogos 1928 di Singapura mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Convent, Johor Bahru dan sekolah Jepun tetapi pengajiannya terganggu akibat perang dunia ke-2.

## KERJAYA

1949 - 1951 bekerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor Bharu. Kemudian sebagai setiausaha di Jabatan Sosial, Universiti Malaya, Singapura. Seterusnya Setiausaha kepada Pendeta Za'ba di Jabatan Pengajian Melayu di UM.

## INFORMASI

- Wanita terawal memperjuangkan nasib dan hak wanita terutama isu persamaan gaji lelaki dan wanita, cukai pendapatan berasingan bagi isteri yang bekerja.
- Beliau memperjuangkan Pindaan Undang-Undang Perkahwinan orang bukan Islam dan keluarga Islam.
- Beliau mempunyai minat mengumpul songket lama serta meminati budaya seni warisan dan seni sastera tanah air.
- Beliau merupakan pemberi nama 'Pancaindera' iaitu akhbar sisipan Mingguan Malaysia di akhbar Utusan Melayu.
- Orang pertama memperkenalkan Haiku iaitu puisi pendek berbahasa Jepun kepada masyarakat Malaysia.
- Wanita pertama di Malaysia yang menerbitkan buku pantun dan lagu kanak-kanak melalui syarikatnya sendiri, 'Akaz'.
- Tokoh Budayawan Melayu kerana hobi dan minat beliau mengumpulkan tekstil tradisional, perhiasan, pakaian traditional dan kraftangan traditional Melayu.
- Beliau memperkenalkan pakaian drama tari dalam Festival Kesenian Universiti-Universiti ASEAN.
- Pengasas Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi) yang aktif membela nasib wanita dan kanak-kanak di Malaysia.



Diterbitkan oleh:

**Bahagian Penerbitan Dasar Negara  
Jabatan Penerangan Malaysia  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Laman Web : [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)  
Portal : [pmr.penerangan.gov.my](http://pmr.penerangan.gov.my)  
E-mel : [webmaster@inform.gov.my](mailto:webmaster@inform.gov.my)

B.002 (B.M) MEI 2018 (050.)

CERTIFIED TO ISO 9001: 2008

CERT. NO: MY-AR 5240

